

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
[PERMOHONAN JENAYAH NO: WA-44-134-06/2019]**

ANTARA

PENDAKWA RAYA

... PEMOHON

DAN

AGA TOUCH (M) SDN BHD

... RESPONDEN

Abstrak: 1. Perintah perlucuthakan tidak wajar diberi sekiranya hal perkara yang hendak dilucuthakkan tidak wujud lagi.

2. Apabila wang dalam suatu akaun bank yang hendak dilucuthakkan telah bercampur dengan sumber-sumber yang lain, maka pemohon harus memastikan bahawa wang yang disita seluruhnya atau sebahagiannya adalah berasal daripada pembayaran hasil yang haram.

PROSEDUR JENAYAH: Perlucuthakan - Wang - Permohonan untuk melucuthakkan wang dalam akaun simpanan bank yang disita - Permohonan bawah ss. 56(1) dan 61(2) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta 2001') - Wang telah dibelanjakan - Baki terkini dalam akaun telah bercampur dengan sumber yang lain - Sama ada pemohon telah membuktikan bahawa wang yang disita adalah hasil daripada aktiviti haram - Sama ada wang yang diterima oleh responden adalah daripada urusniaga yang luar biasa - Sama ada responden merupakan pihak ketiga suci hati bawah s. 61 Akta 2001 - Sama ada perintah perlucuthakan wajar diberi apabila hal perkara yang hendak dilucuthakkan tidak wujud lagi

[Permohonan pemohon ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:

Francis Antonysamy v. PP [2005] 2 CLJ 481 FC (dirujuk)

PP v. Awalluddin Sham Bokhari [2018] 1 CLJ 305 FC (dirujuk)

PP v. Billion Nova Sdn Bhd & Ors [2016] 2 CLJ 763 CA (dirujuk)

PP v. Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors [2019] 3 CLJ 650 CA (dirujuk)

Perundangan yang dirujuk:

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, ss. 3(1), 61, Jadual Kedua

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, s. 23

PENGHAKIMAN

[1] Pada 19 Jun 2019 Pendakwa Raya (pemohon) memfailkan notis usul (Kand. 1) di bawah subseksyen 56(1) dan subseksyen 61(2) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta) untuk perintah-perintah berikut:

- a) memohon mahkamah yang mulia ini untuk melucuthakan harta alih iaitu wang berjumlah RM3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta sahaja) yang disimpan di dalam akaun simpanan Public Bank Berhad no. 3989206107 atas nama responden dan semua faedah yang terakru hasil daripada simpanan tersebut kepada Kerajaan Malaysia; dan
- b) untuk disiarkan satu notis dalam warta di bawah subseksyen 61(2) Akta bagi memanggil mana-mana pihak

ketiga yang menuntut mempunyai apa-apa kepentingan mengenai harta alih berkenaan supaya hadir di hadapan mahkamah pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis untuk menunjukkan sebab mengapa harta alih tersebut tidak boleh dilucuthakkan; dan

- c) sebarang perintah lain atau lanjut yang difikirkan adil, patut dan sesuai oleh mahkamah yang mulia ini.

[2] Notis usul pemohon disokong oleh affidavit Allan Suman Pillai (Kand. 2), affidavit Nur Aida binti Arifin (Kand. 3) dan affidavit Woon Yenn Nee (Kand. 6).

[3] Responden memfailkan affidavit jawapan (1) (Kand. 9) dan affidavit jawapan (2) (Kand. 19) yang diikrarkan Jeremy Khalif Lee Pheng Yau salah seorang pengarah responden menentang notis usul pemohon.

[4] Pemohon memfailkan affidavit balasan kepada affidavit jawapan responden masing-masing diikrarkan oleh Allan Suman Pillai (Kand. 11), Nur Aida binti Arifin (Kand. 12) dan Woon Yee Nee (Kand. 13, Kand. 22).

[5] Fakta kes bolehlah diringkaskan seperti berikut:

- i) responden adalah sebuah syarikat persendirian yang menjalankan perniagaan dalam bidang menawarkan perkhidmatan rekaan laman sesawang, perisian dan teknologi maklumat.
- ii) responden telah menerima bayaran melalui cek Islamic Bank no. 000173 bertarikh 14 Mac 2014 berjumlah RM3,000,000.00 daripada Dato' Seri Mohd Najib bin Abdul Razak (Dato' Najib) sebagai sebahagian daripada bayaran terhutang kepada responden bagi perkhidmatan

yang telah diberikan oleh responden kepada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaysia (UMNO).

- iii) siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati bayaran melalui cek tersebut adalah dikeluarkan oleh Dato' Najib dari akaun semasanya AmIslamic Bank no. 2112022011898 kepada akaun simpanan Public Bank Berhad no. 3989206107 milik responden.
- iv) pada 29 Jun 2018 suatu perintah pembekuan harta di bawah subseksyen 44(1) Akta telah disampaikan oleh SPRM kepada Public Bank Berhad terhadap akaun simpanan Public Bank no. 3989206107 milik responden.
- v) pada 21 September 2018 suatu perintah penyitaan harta alih di bawah subseksyen 50(1) Akta telah dikeluarkan oleh pemohon kepada Public Bank Berhad terhadap akaun simpanan Public Bank Berhad no. 3989206107 milik responden.
- vi) Public Bank cawangan Taman Sri Muda, Shah Alam Selangor mengesahkan baki terkini akaun simpanan milik responden pada 13 Mei 2019 adalah berjumlah RM6,585,100.34.
- vii) tiada pendakwaan dibuat terhadap responden dengan kesalahan di bawah subseksyen 4(1) Akta berkaitan wang RM3,000,000.00 yang disita itu.
- viii) pada 19 Jun 2019 pemohon memfailkan notis usul ini (Kand. 1).
- ix) pada 20 Disember 2019 mahkamah ini telah membenarkan perenggan (b) Kand. 1.

- x) suatu notis di bawah subseksyen 61(2) Akta dan notis pembetulan telah disiarkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan masing-masing pada 9 Januari 2020 dan 10 Februari 2020 memanggil mana-mana pihak ketiga yang menuntut yang mempunyai apa-apa kepentingan ke atas harta iaitu wang RM3,000,000.00 supaya hadir di hadapan mahkamah ini pada 21 Februari 2020 jam 9.00 pagi untuk menunjuk sebab mengapa harta itu tidak boleh dilucuthakan.
- xi) tiada pihak ketiga hadir pada 21 Februari 2020 untuk membuat apa-apa tuntutan ke atas harta itu.
- xii) tidak terdapat pembeli sucihati bagi balasan bernilai berkenaan harta iaitu wang RM3,000,000.00 yang disita itu.

[6] Kes ini hanyalah antara pemohon dan responden sahaja dan berkaitan perenggan (a) Kand. 1.

[7] Saya telah mendengar notis usul pemohon. Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang mewakili pemohon dan peguamcara responden memfailkan hujahan bertulis dan berhujah secara lisan di hadapan mahkamah ini.

[8] Saya telah membaca afidavit-afidavit yang difailkan oleh pemohon dan responden. Saya telah menimbang hujahan TPR dan hujahan peguamcara responden serta kes otoriti yang dirujuk.

[9] Hujahan TPR:

- i) wang RM3,000,000.00 yang disita adalah hasil daripada aktiviti haram berkaitan kesalahan di bawah seksyen 23 Akta SPRM.
- ii) responden mempunyai syak yang munasabah bahawa bayaran berjumlah RM3,000,000.00 yang diterima

daripada Dato' Najib adalah hasil daripada aktiviti haram namun tanpa alasan munasabah gagal untuk mengambil langkah sewajarnya.

- iii) wang RM3,000,000.00 yang diterima daripada Dato' Najib tiada lagi telah bercampur, sebahagian atau keseluruhan wang tersebut tetap hasil daripada aktiviti haram.
- iv) responden gagal membuktikan bahawa mereka adalah penuntut sucihati seperti kehendak subseksyen 61(4) Akta.
- v) permohonan di bawah subseksyen 56(1) Akta tidak tertakluk kepada keputusan perbicaraan kesalahan predikat yang melibatkan Dato' Najib.

[10] Dalam menentang permohonan ini peguamcara responden membangkitkan tiga isu:

- i. wang yang hendak dilucuthak bukan wang yang diterima daripada Dato' Najib.
- ii. responden menerima wang RM3,000,000.00 daripada Dato' Najib sebagai sebahagian pembayaran bagi perkhidmatan yang telah diberikan oleh responden kepada UMNO.
- iii. tiada kaitan antara wang RM3,000,000.00 yang diterima daripada Dato' Najib dan kesalahan di bawah seksyen 23 Akta SPRM.

[11] Saya telah menimbang isu-isu yang dibangkitkan oleh TPR dan peguamcara responden.

[12] Syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam subseksyen 56(1) Akta mestilah terlebih dahulu dipenuhi oleh pemohon sebelum pemohon boleh membuat permohonan pelucuthakan kepada Hakim Mahkamah Tinggi. Dalam kes ini syarat-syarat tersebut telah dipenuhi oleh pemohon yakni wang RM3,000,000.00 yang disita adalah disita

menurut subseksyen 50(1) Akta; responden tidak didakwa dengan kesalahan di bawah subseksyen 4(1) Akta berkenaan wang RM3,000,000.00 yang disita itu; dan permohonan ini dibuat dalam tempoh 12 bulan dari tarikh wang RM3,000,000.00 itu dibekukan. Seterusnya pemohon mestilah berpuashati bahawa wang RM3,000,000.00 yang disita itu adalah hasil suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) Akta. Seperti yang boleh dilihat daripada affidavit Allan Suman Pillai (Kand. 2), affidavit Nur Aida binti Arifin (Kand. 3) dan affidavit Woon Yee Nee (Kand. 6) pemohon berpuashati bahawa wang RM3,000,000.00 yang disita itu telah diperoleh hasil daripada atau berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) Akta yang mana ianya adalah hasil daripada aktiviti haram berkaitan kesalahan di bawah seksyen 23 Akta SPRM. Seksyen 23 Akta SPRM adalah suatu kesalahan serius seperti yang diperuntukan dalam Jadual Kedua Akta.

[13] Menurut subseksyen 56(2) Akta, Hakim yang permohonan di bawah subseksyen 56(1) Akta dibuat hendaklah membuat perintah pelucuthakan harta jika dia berpuashati bahawa harta itu adalah hal perkara atau keterangan berkaitan pelakuan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan pembiayaan keganasan; atau harta penganas; atau hasil daripada aktiviti haram; atau peralatan suatu kesalahan; dan tidak terdapat pembeli sucihati bagi balasan bernilai berkenaan harta itu.

[14] Dalam konteks kes ini apa yang perlu ditentukan oleh mahkamah ialah sama ada wang RM3,000,000.00 yang disita adalah hasil daripada aktiviti haram dalam maksud subperenggan 56(2)(a)(iii) Akta. Ini adalah berdasarkan kepada alasan yang disandarkan oleh pemohon (perenggan 11.6 affidavit Allan Suman Pillai Kand. 2; perenggan 15 affidavit Woon Yee Nee Kand. 6). Dalam menentukan sama ada wang RM3,000,000.00 yang disita adalah hasil daripada aktiviti haram, mahkamah hendaklah menggunakan tahap pembuktian yang diperlukan dalam prosiding sivil (subseksyen 56(4)

Akta). Apa-apa persoalan fakta yang hendak diputuskan oleh mahkamah adalah diputuskan atas imbangan kebarangkalian (subseksyen 70(1) Akta). Dan ia adalah suatu persoalan fakta (*PP v. Awalluddin bin Sham Bokhari* [2018] 2 MLJ 401).

[15] Mahkamah hanya perlu untuk berpuashati bahawa wang RM3,000,000.00 yang disita adalah hasil daripada aktiviti haram. Maksud puashati (satisfaction) telah dibincangkan dalam beberapa kes antaranya *Francis Antonysamy v. PP* [2005] 2 CLJ 481; *PP v. Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors* [2019] 3 CLJ 650; *PP v. Billion Nova Sdn Bhd & Ors* [2016] 2 CLJ 763. Jelasnya perkataan berpuashati yang dinyatakan dalam subseksyen 56(2) Akta adalah berasaskan kepada pembuktian yang mencukupi (sufficient proof).

[16] Maksud “proceeds of an unlawful activity” (hasil daripada aktiviti haram) dalam subseksyen 3(1) Akta ialah any property, or any economic advantage or economic gain from such property, within or outside Malaysia –

- (a) which is wholly or partly –
 - (i) derived or obtained, directly or indirectly, by any person from any unlawful activity;
 - (ii) derived or obtained from a disposal or other dealings with the property referred to in subparagraph (i); or
 - (iii) acquired using the property derived or obtained by any person through any disposal or other dealings referred to in subparagraph (i) or (ii); or
- (b) which, wholly or partly, due to any circumstances such as its nature, value, location or place of discovery, or to the time, manner or place of its acquisition, or the person from whom it was acquired, or its proximity to other property referred to in subparagraph (a)(i), (ii) or (iii), can be

reasonably believed to be property falling within the scope of subparagraph (a)(i), (ii) or (iii);

[17] Maksud “unlawful activity” (aktiviti haram) dalam seksyen 3(1) Akta adalah:

- a) any activity which constitute any serious offence or any foreign serious offence; or
- b) any activity which is of such a nature, or occurs in such circumstances, that it results in or leads to the commission of any serious offence or any foreign serious offence,

regardless whether such activity, wholly or partly, takes place within or outside Malaysia;

[18] Seksyen 61 Akta adalah mengenai tuntutan pihak ketiga sucihati ke atas wang RM3,000,000.00 yang disita itu. Responden bukan pihak ketiga sucihati yang menuntut ke atas wang RM3,000,000.00 yang disita itu. Responden hanya menentang permohonan pemohon untuk pelucuthakan wang RM3,000,000.00 yang disita itu. Dengan itu subseksyen 61(4) Akta tidak terpakai kepada responden. Justeru saya menolak hujahan TPR bahawa responden gagal membuktikan mereka adalah penuntut sucihati seperti kehendak subseksyen 61(4) Akta.

[19] Mengenai isu pertama yang dibangkitkan oleh peguamcara responden, responden tidak pernah menafikan fakta bahawa mereka telah menerima RM3,000,000.00 daripada Dato’ Najib melalui cek AmIslamic Bank no. 000173 bertarikh 14 Mac 2014. Walaubagaimanapun responden menyatakan bahawa kesemua wang yang diterima daripada Dato’ Najib telah digunakan untuk operasi syarikat mereka (perenggan 7.8.19 affidavit jawapan (1) responden Kand. 9). Responden menafikan wang RM3,000,000.00 yang disita itu adalah hasil daripada aktiviti haram (perenggan 6.3 dan 7.10 affidavit jawapan (1) responden Kand. 9). Responden mengeksibitkan penyata

akaun bank yang menunjukkan baki masih ada pada 31 Disember 2014 hanyalah RM1,337,571.95.

[20] Persoalannya ialah sama ada wang RM3,000,000.00 yang disita itu dan yang hendak dilucuthak oleh pemohon adalah seluruhnya atau sebahagiannya daripada pembayaran oleh Dato' Najib kepada responden.

[21] Pada pendapat saya wang RM3,000,000.00 yang disita itu dan yang hendak dilucuthak oleh pemohon tidak boleh dikatakan seluruhnya atau sebahagiannya adalah daripada pembayaran oleh Dato' Najib kepada responden. Jumlah yang ada dalam akaun bank responden pada 31 Disember 2014 mewajarkannya. Walaupun jika wang RM3,000,000.0 yang dibayar oleh Dato' Najib kepada responden boleh diandaikan sebagai hasil daripada aktiviti haram namun wang tersebut telah digunakan oleh responden. Wang RM3,000,000.00 yang menjadi hal perkara yang hendak dilucuthak oleh pemohon tidak lagi berada dalam milikan atau dalam akaun bank responden. Wang tersebut tidak ada lagi dalam akaun bank responden. Hal perkara yang hendak dilucuthak oleh pemohon tidak lagi wujud.

[22] Seterusnya baki terkini dalam akaun bank responden pada 13 Mei 2019 adalah RM6,585,100.34. Responden menyatakan baki terkini adalah berpunca daripada sumber-sumber lain di atas perkhidmatan yang mereka berikan kepada agensi korporat lain. Responden mengeksibitkan salinan cek-cek yang mereka terima daripada agensi korporat lain bagi perkhidmatan yang diberikan (eksibit "JK-7", eksibit "JK-8"; dan eksibit "JK-9" perenggan 7.9.1, 7.9.2 dan 7.9.3 afidavit jawapan (1) responden Kand. 9). Pemohon dalam afidavit balasan (Kand. 13 perenggan 14) hanya menyatakan mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai baki terkini berpunca daripada sumber-sumber lain.

[23] Adalah jelas wang RM3,000,000.00 yang disita itu dan atau baki terkini dalam akaun bank responden mengandungi wang yang

bercampur yakni wang daripada sumber-sumber lain. Pemohon tidak boleh dan atau gagal menentukan dengan pastinya bahawa wang RM3,000,000.00 yang disita itu seluruhnya atau sebahagiannya adalah berasal daripada pembayaran oleh Dato' Najib kepada responden. Pemohon gagal untuk menunjukkan wang mana daripada RM3,000,000.00 yang disita itu adalah daripada pembayaran oleh Dato' Najib kepada responden dan yang mana daripada sumber-sumber lain (*PP v. Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors* [2019] 3 CLJ 650).

[24] Saya dapati wang RM3,000,000.00 yang disita itu dan yang hendak dilucuthak oleh pemohon bukan wang yang diterima oleh responden daripada Dato' Najib.

[25] Mengenai isu kedua yang dibangkitkan oleh peguamcara responden seperti yang dinyatakan di atas responden tidak pernah menafikan fakta bahawa mereka telah menerima RM3,000,000.00 daripada Dato' Najib melalui cek AmIslamic Bank no. 000173 bertarikh 14 Mac 2014. Walaubagaimanapun responden menyatakan RM3,000,000.00 yang diterima daripada Dato' Najib adalah merupakan sebahagian daripada bayaran yang terhutang kepada mereka bagi perkhidmatan yang telah diberikan kepada UMNO (perenggan 7.8.1 affidavit jawapan (1) responden, Kand. 9). Pemohon dalam affidavit balasan (perenggan 8 Kand. 13) menyatakan pembayaran tersebut telah menimbulkan keraguan kerana responden seharusnya menerima bayaran dari sumber kewangan pihak UMNO dan bukannya terima melalui cek peribadi milik Dato' Najib yang dikeluarkan dari akaun bank Dato' Najib sendiri.

[26] Responden telah mengeluarkan invois-invois kepada UMNO menuntut bayaran bagi perkhidmatan yang telah diberikan (eksibit "JK-3" perenggan 7.8.9 affidavit jawapan (1) responden Kand. 9).

[27] Pembayaran oleh Dato' Najib kepada responden melalui cek AmIslamic Bank no. 000173 bertarikh 14 Mac 2014 berjumlah RM3,000,000.00 adalah sebahagian daripada bayaran yang terhutang

kepada mereka bagi perkhidmatan yang telah diberikan kepada UMNO. Perkhidmatan yang diberikan dan bayaran yang diterima adalah suatu transaksi dalam urusanniaga biasa responden. Bayaran diterima oleh responden dalam transaksi ini secara sucihati (good faith).

[28] Dalam afidavit jawapan (2) antara lain responden menyatakan bahawa mereka telah menerima bayaran berjumlah RM3,000,000.00 daripada Dato' Najib secara sucihati tanpa sebarang prasangka memandangkan ianya datang daripada Presiden UMNO sendiri; mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan bahawa jumlah RM3,000,000.00 itu adalah daripada akaun peribadi Dato' Najib sendiri; mereka juga tidak mengesyaki sumber kewangan jumlah RM3,000,000.00 itu atas sebab Dato' Najib adalah Presiden UMNO pada masa itu; dan mereka sesungguhnya percaya bahawa Dato' Najib selaku Presiden UMNO pada ketika itu berhak untuk menguruskan kewangan parti UMNO (perenggan 13.3, 13.4, 13.5 dan 13.6 Kand. 19).

[29] Responden tidak sepatutnya dipersalahkan dan dihukum kerana menerima bayaran daripada Dato' Najib yang merupakan sebahagian daripada bayaran yang terhutang kepada mereka bagi perkhidmatan yang telah mereka berikan kepada UMNO. Ia adalah suatu transaksi dalam urusanniaga biasa responden. Ia bukan suatu transaksi perniagaan yang luar biasa.

[30] Responden akan mengalami kerugian jikalau wang RM3,000,000.00 yang disita itu dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia. Responden akan kehilangan bayaran yang merupakan sebahagian daripada bayaran yang terhutang kepada mereka bagi perkhidmatan yang telah mereka berikan kepada UMNO. Semestinya ia akan menyebabkan ketidakadilan kepada responden. Ini adalah kerana responden telah memberikan perkhidmatan kepada UMNO dan pembayaran oleh Dato' Najib melalui cek AmIslamic Bank no. 000173 bertarikh 14 Mac 2014 berjumlah RM3,000,000.00 adalah

bayaran sebahagian daripada bayaran yang terhutang kepada mereka bagi perkhidmatan yang diberikan. Inbois-inbois sepertimana eksibit “JK-3” afidavit jawapan (1) responden (Kand. 9) antara lain menunjukkan butiran perkhidmatan yang diberi, kuantiti dan jumlah harga.

[31] Adalah jelas wang RM3,000,000.00 yang disita itu bukan daripada pembayaran oleh Dato’ Najib sebaliknya daripada sumber-sumber lain. Pemohon tidak boleh melucuthak wang yang mana tidak lagi wujud walaupun jika diandaikan wang RM3,000,000.00 yang dibayar oleh Dato’ Najib adalah hasil daripada aktiviti haram. Hal perkara yang hendak dilucuthak oleh pemohon tidak lagi wujud. Dan lagi wang RM3,000,000.00 yang dibayar oleh Dato’ Najib adalah merupakan sebahagian bayaran yang terhutang kepada responden bagi perkhidmatan yang telah responden berikan kepada UMNO.

[32] Memandangkan hal perkara yang hendak dilucuthak oleh pemohon tidak lagi wujud maka tidak ada keperluan untuk saya menyentuh isu-isu lain yang dibangkitkan oleh TPR dan peguamcara pemohon.

[33] Atas imbangan kebarangkalian pemohon gagal membuktikan bahawa wang RM3,000,000.00 yang disita itu adalah hasil daripada aktiviti haram.

[34] Permohonan pemohon di perenggan (a) Kand. 1 adalah ditolak.

Bertarikh: 13 OGOS 2020

(MUHAMMAD JAMIL HUSSIN)

Hakim

Mahkamah Tinggi Jenayah 4

Kuala Lumpur

KAUNSEL :

*Bagi pihak pemohon - Farah Yasmin Salleh, Timbalan Pendakwa
Raya; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia*

*Bagi pihak responden - Hariharan Tara Singh & Tania Scivetti; T/n
Scivetti & Associates*